

RESEPI KEAYAAN...

**USAHA
ADALAH
PENDAKIAN
BERTERUSAN
PUNCAKNYA
TAWAKKAL**
TIDAK LOGIK UNTUK TERUS
BERTAWAKKAL TANPA USAHA

پہلے
مہنت



BIRO AKADEMIK
PERMATA 2010/2011



AZMIR AZRI B AHMAD
FIQH WA USUL
TAHUN 3



Ini hanya sekadar perkongsian tips belajar last minute ataupun pecutan terakhir. Berdasarkan pengalaman saya.

1.Fahamkan Madah

Pastikan sebelum anda membuka buku untuk belajar pada malam peperiksaan adalah anda sudah fahami madah secara keseluruhan. Samaada faham subjek itu semasa dalam kelas, ataupun belajar dengan kawan-kawan.

2.Tanam Minat

Ini adalah kunci yang paling besar sebagai pelajar. Tanamkan minat anda pada subjek tersebut. Ini kerana ia mempengaruhi mood anda untuk belajar. Membuat sesuatu yang anda minat adalah sangat penting. Yang susahny adalah untuk bermula. Setelah bermula selesailah separuh daripada urusan itu. Sebagaimana pepatah ada menyebut:

البدايه نصف الشيء

“Permulaan itu adalah separuh daripada sesuatu”

3Kaedah Tangkap dan Ikat

Pengalaman saya, kaedah ini sangat berkesan. Saya ibaratkan subjek itu seperti haiwan liar. Kali pertama kita tangkap, kali ke2 kita jinakkan, yang ke-3 kita ikatkan atau masukan didalam sangkar. Begitu juga, untuk mengingati subjek sekurang-kurangnya 3 kali dihafal sebelum melangkah ke dalam bilik peperiksaan. Saya bertanya kepada pelajar-pelajar cemerlang biasanya mereka akan habiskan sebanyak 5 kali. Tapi, untuk yang study last minute, 3 kali sudah cukup. 2 kali sebelum tidur, 1 kali sebelum melangkah ke dewan.

4.Key Word

Cari keyword yang mudah dan ringkas untuk anda pelajari. Kaedah ini sangat berkesan supaya anda dapat menjawab ketika menjawab soalan. Cari point yang penting, yang dikira sebagai tulang belakang jawapan anda. Contohnya, anda tiba-tiba hilang punca dan tak ingat apa yang dihafal, maka keyword yang membantu untuk “menggoreng” jawapan sekurang-kurangnya tidak kehilangan markah.

5.Doa&Tawakal

Yang paling penting ini la. Doa, kerana doa adalah senjata bagi Mukmin dan lebih-lebih lagi pelajar agama. Berdoalah sebanyak mungkin sebelum menjawab dan selepas menjawab peperiksaan. Teruskan berdoa, dan yang paling afdhal doalah sebagaimana hadis nabi mendoakan kepada sahabat.

اللهم فقهه في الدين وعلمه التأويل

Ya Allah berikanlah kefahaman(faqih) dalam agama, dan berikanlah ilmu takwil



NUR AL-FARHAIN BINTI KAMARUZAMAN
FIQH WA USUL
TAHUN 4



- 1. Mengambil madah-madah fiqh yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa dan tahun pengajian anda.**
- 2. Kenali latar pendidikan pensyarah. Ia sedikit sebanyak membantu anda mengenali dan mengesan manhaj pemikiran mereka. Dengan mengenali manhaj mereka, anda dapat memilih pensyarah yang sesuai dengan kemampuan dan potensi anda. Juga dapat mengelakkan anda taasub dengan sesetengah pensyarah.**
- 3. Sebelum menghafal khilaf-khilaf ulama, fahami manhaj pemikiran mereka. Ini penting bagi mengelakkan kita bercampur aduk dalam hafalan kita, juga sedikit sebanyak membantu mempermudah proses menghafalan.**
- 3. Tidak menghafal kata-kata ulama' secara sembrono, memahami uslub dan manhaj mereka dalam menetapkan & istibat hukum juga sesuai dengan zaman mereka hidup.**
- 4. Mempunyai asas-asas dalam bidang usuluddin juga.**
- 5. Rajin melakukan senaman minda dengan subjek fiqh yang dipelajari, mengaitkan dan mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan suasana dan situasi yang berlaku hari ini.**
- 7. Menggabungkan ilmu thurath & manhaj ulama' kontemporari dalam menetapkan sesuatu hukum**
- 8. Berusaha dan berupaya mengaitkan satu subjek fiqh dengan yang lain-lain kerana ia saling berkait antara satu sama lain**



ABDUL FATAH B RAZALI
USULUDDIN
TAHUN 3



TIPS BELAJAR MENURUT AL-QURAN DAN HADIS

1- Ikhlas, iaitu kita melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara semata-mata kerana Allah. Meninggalkan amalan kerana manusia ialah riya', manakala melakukannya kerana manusia adalah syirik. Maka Fudhail bin Iyadh berkata : Ikhlas ialah semoga Allah menyelamatkan kamu daripada keduanya (riya' dan musyrik). Firman Allah yang bermaksud : katakanlah (wahai Muhammad) sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku, dan matiku adalah kerna Allah (6:162). Tidak dilupakan juga bahawa ikhlas itu adalah syarat sah sesuatu amalan selain daripada ittiba, ini menurut firman Allah: Janganlah ia mempersekutukan seseorang dalam beribadat kepada TuhanNya (18:110).

2-Usaha, ia terletak ditempat kedua kerana setiap usaha yang tidak didahului dengan niat yang baik dan ikhlas, tidak ada barakah. Nabi bersabda dalam hadisnya yang shohih "setiap amalan menurut niat"(muttafaqun 'alaih), juga firman Allah : Kemudian apabila kamu telah bertekad (3:159). Beberapa contoh berusaha adalah seperti berikut:-

- 😊 **Tinggal maksiat, Imam Syafi'e rahimahullah (w204H) pernah berkata: ilmu adalah cahaya, dan cahaya Allah tidak dapat member petunjuk kepada pelaku maksiat. Firman Allah: Dan tinggalkanlah dosa yang Nampak dan tersembunyi(6:120).**
- 😊 **Mengetahui bahawa menuntut ilmu(agama) itu ada kelebihan dan fadhilatnya. Allah berfirman: Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat(58:11). Nabi s.a.w bersabda didalam hadithnya yang shohih, riwayat Utsman bin Affan r.a, katanya : sebaik-baik kamu ialah sesiapa yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya(riwayat bukhari(w256H)). Hadith-hadith tentang kelebihan belajar tidak terkira banyaknya.**
- 😊 **Rajin dan baca awal, kerana Allah menyukai seseorang, bila dia melakukan sesuatu amalan. Dilakukannya dengan tekun. Rajin adalah satu juzuk daripada juzuk-juzuk ketekunan.**
- 😊 **Suka bertanya ahli ilmu, sama ada orang atasan kita seperti professor-profesor university, alim ulama, atau rakan sebaya kita yang lebih memahami, atau juga orang bawahan kita, kerana tidak semua perkara ada pada seseorang. Imam Bukhari rahimahullah, seorang wali daripada wali-wali Allah, tinggi kedudukannya, pernah bertanya kepada anak muridnya, apatah kita lagi!!? Allah berfirman : maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui (16:43).**





Dengki kerana kebaikan dan berlumba-lumba didalam menuntut ilmu. Firman Allah : Maka berlumba-lumbalah akmu dalam kebaikan(2:148). Sabda Nabi s.a.w didalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud : Tiada hasad melainkan dalam dua perkara : (yang kedua) kepada seseorang yang Allah telah berikan kepadanya hikmah(ilmu), kemudian dia berhukum dengannya dan mengajarkan (rujuk kitab Tibyan li al-nawawi(w676H), bab pertama)



Tidak berputus asa. Allah berfirman : Dan jangan kamu berputus asa dari rahmat Allah (12:87). Ini kerana sikap berputus asa bukan dari kalangan akhlak orang-orang Islam.

3- Doa dan Tawakkal, iaitu kita menyerahkan segala urusan kita kepada Allah selepas daripada kita berusaha urusan dengan berkata ' . ' توكلت على الله . ' Firman Allah : Maka bertawakkallah kepada Allah(3:159) Ini kerana Allah suka kepada hamba-hambanya yang selalu berharap kepadanya, sebagaimana seseorang guru suka bila anak muridnya bertanya. Tawakkal adalah sebahagian daripada rupa doa, dan doa adalah permintaan seseorang hamba kepada Tuannya, minta dan mintalah kepada Tuhan sekalian alam kerana semakin suka Kitab berdoa, semakin dekat Allah kepada kita. Ini kerana orang yang kurang berdoa, egonya tinggi, maka jauhlah dia dari rahmat Allah.

Kesimpulannya:

- Tips ini boleh diringkas dalam satu perkataan " DUIT ".
- Tidak berguna segala tips melainkan dengan dekatnya hubungan kita kepada Allah dan Rasulnya.
- Allah berfirman : Dan hanya kepada Tuhanmulah hendaknya kamu berharap (94:8)
- Bila Berjaya, bersyukurlah kepada Allah dengan berkata " الحمد لله " , kerana baik dan buruk yang menimpa seseorang adalah ujian daripada Allah, Dia ingin mengetahui adakah hambanya bersyukur atau berpaling tadah???
- Kejayaan yang sebenar adalah kejayaan yang bermanfaat kepada diri dan selainnya, dunia dan akhirat, kerana Allah berfirman: Barangsiapa dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sungguh ia telah berjaya (beruntung)

(3: 185). Wallahua'llam.



NUR SYAHADA BINTE MISAWAL
USULUDDIN
TAHUN 2



1) Study smart! Yang me'magic'kan adalah النية صدق

2) Ulangkaji setiap madah paling kurang 1 jam setiap hari.

3) Pilih waktu dan tempat yang sesuai ; tenang, sunyi, bersih dsb.

4) Motivasikan diri selalu! tidak boleh berputus asa dan katakan "tidak!" pada bosan dan futur.

5) Kenali potensi & kekuatan diri! Aplikasikan utk proses pembelajaran. Setiap orang mempunyai cara terbaik dan sesuai bagi dirinya krn usaha setiap orang berbeza-beza.

6) Buat ringkasan dari apa yang dipelajari dan dibaca. Nota yang anda buat sendiri adalah yang terbaik bagi diri anda!

7) Menghafal juga amat penting. Tips : fahamkan dahulu isi, kemudian ulang sehingga lancar, dan lebih baik tulis semula apa yang dihafal.

8) Rajinkan diri merujuk kamus utk mencari maksud kalimah yg tidak difahami. Kurangkan bertanya orang lain. Krn apabila kita melakukannya sendiri, makna kalimah tersebut akan 'melekat' dlm ingatan kita.

9) Banyakkan berdoa antara doa yang diajarkan Rasulullaah Shollallaahu 'Alaihi wa Sallaam:

اللهم إني أعوذ بك من العجز و الكسل





Tip-Tip Pembelajaran Dan Menghadapi Peperiksaan

1. Semak jadual

Menyemak jadual peperiksaan penting bagi menentukan masa cukup untuk belajar, khususnya pada saat-saat akhir ini. Latihan mesti diteruskan mengikut kertas peperiksaan yang akhir diduduki terlebih dulu. Ini kerana apabila tiba hari peperiksaan, calon akan belajar subjek yang akan diuji pada hari pertama peperiksaan.

Jika melakukan demikian, bermakna anda telah membuat persiapan yang menyeluruh dan tidak ada subjek tertinggal atau tidak dipelajari.

2. Kunci peperiksaan

Apakah kunci kepada peperiksaan? Peperiksaan menuntut calon membuat banyak latihan dan ulang kaji bagi mengingati pelajaran lalu, selain mengelak diri daripada lupa fakta ketika menjawab soalan.

Oleh itu, anda jangan jemu untuk terus membuat ulang kaji, terutama menggunakan kertas peperiksaan tahun terdahulu atau soalan seiras. Langkah itu akan membiasakan anda dengan soalan standard, di samping membolehkan ingatan anda kekal dan berpanjangan.

3. Tentukan keutamaan

Belajar pada saat-saat akhir juga perlu mengutamakan mata pelajaran atau kemahiran yang masih belum atau kurang dikuasai. Dalam hal ini, jangan sekali-kali belajar subjek yang anda sukai saja, sebaliknya merangkumi semua.

Ini kerana setiap peperiksaan akan melibatkan semua subjek dipelajari di jamiah, bukannya berdasarkan minat seseorang calon peperiksaan.

4. Banyak mengingat dan membuat kaitan

Mengingat adalah satu perkara penting yang mesti dilakukan calon dalam menghadapi peperiksaan. Pelbagai cara boleh anda gunakan untuk mengingat, antaranya belajar berulang kali mengenai sesuatu kemahiran.

Apa-apa pun cara digunakan, terpulang kepada anda, asalkan ia dapat membantu mengingat dan membuat kaitan apabila diperlukan.

5. Merancang persiapan peperiksaan

Ada tiga perkara yang mesti diamalkan calon bagi menentukan kejayaan cemerlang dalam peperiksaan.

a. Pertama, sebelum peperiksaan khususnya dalam tempoh beberapa minggu ini, kuat dan tingkatkan usaha serta semangat dengan belajar secara berterusan.

- memanfaatkan masa yang ada, tidak kira di mana saja berada dengan peperiksaan.
- kesihatan diri jangan diabaikan

- Tidur hendaklah mencukupi supaya dapat memberi tumpuan terhadap pelajaran sama ada ketika di jamiah mahupun sewaktu belajar sendiri di rumah serta musim peperiksaan.



- memanfaatkan masa yang ada, tidak kira di mana saja berada dengan peperiksaan.
- kesihatan diri jangan diabaikan



- Tidur hendaklah mencukupi supaya dapat memberi tumpuan terhadap pelajaran sama ada ketika di jamiah mahupun se waktu belajar sendiri di rumah serta musim peperiksaan.



- Pastikan keperluan peperiksaan tidak dilupakan, seperti pensel 2B, pemadam dan penajam pensel, jika tidak sediakan beberapa batang pensel pada waktu peperiksaan.



- Sebaiknya tidurlah lebih awal pada malam hari peperiksaan

b. Pada hari peperiksaan. Bangun dan pergi ke jamiah atau dewan peperiksaan lebih awal, bagaimanapun pastikan anda bersarapan terlebih dulu.



- Bangun dan pergi ke jamiah atau dewan peperiksaan lebih awal, bagaimanapun pastikan anda bersarapan terlebih dulu

- Sebelum itu, jangan lupa dengan ibu bapa dan minta mereka mendoakan kita dapat menjawab soalan dengan jayanya.

- Ketika berada dalam dewan peperiksaan, anda hendaklah dalam keadaan tenang dan anggaplah peperiksaan itu sebagai perkara biasa



- Jawablah soalan yang anda fikir mudah dulu. Soalan susah yang ditinggalkan sementara itu jangan diabaikan, tetapi dibuat kemudian.

- Pembahagian masa yang betul amat perlu ketika menjawab soalan. Gunakan masa yang diperuntukkan dengan berkesan. Jangan sekali-kali alpa atau khayal sewaktu menjawab kerana langkah itu akan merugikan anda.



c. Selepas peperiksaan. Anda tidak digalakkan berbincang dulu dengan rakan atau sesiapa mengenainya. Ini perlu bagi mengelakkan perasaan kecewa jika didapati jawapan anda terpesong atau salah.

Jika ini berlaku, anda mungkin hilang semangat atau fikiran terganggu ketika menjawab kertas soalan berikutnya. Sebaiknya, bincang kertas soalan itu setelah peperiksaan berakhir.



Langkah terbaik, beri tumpuan penuh untuk menjawab soalan, bukannya menyemak jawapan.



6. Elakkan terbabit dengan situasi yang boleh mengganggu perasaan

Menjelang peperiksaan, pelbagai dugaan mungkin dihadapi. Oleh itu, anda seharusnya sentiasa bersedia menghadapi apa saja dugaan yang boleh mengganggu perasaan. Selepas menunaikan solat lima waktu, berdoalah supaya Allah SWT tenangkan perasaan dan dapat fokuskan tumpuan terhadap peperiksaan.

7. Berdoa dan bertawakal



NUR SAKINAH BT ABU BAKAR
BAHASA ARAB
TAHUN 3



TSUNAMI

Ohh ya, pernah dengar kan perkataan TSUNAMI ? Tentu ramai sekali mengingati ujian & amaran dari ALLAH s.w.t kepada kita hambaNYA yang semakin leka dan alpa akan taklifat kita di muka bumi ini. Maksue olah perkataan TSUNAMI tuu ya, haaa, tsunami melanda ketika peperiksaan. TSUNAMI yang bagaimana? Jom kita terjah ^_^

T – Target : Dalam belajar nie, setiap orang perlu ada target & matlamat yang ingin dicapai. Ingat lah apa target dan matlamat kita.

S – Strategi : Setelah tahu target yang ingin kita capai, strategi perlu disusun atur sebaiknya, buatlah strategi mengikut tahap kita kerana setiap orang berbeza tahap kefahaman & hafalannya, buat peta minda ke, insyaALLAH pasti natijahnya meyakinkan.

U – Usaha : “Usaha Tangga Kejayaan”, tanpa usaha kita takkan mampu capai keinginan kita, setuju kan?

N – Nota : Sediakan nota kecil yang mudah dihafal & difahami, ikut kreativiti masing-masing.

A – Amanah : Perlu ingat amanah & kepercayaan yang diberikan oleh ibu bapa. Lakukan sebaiknya, jangan sia-siakan harapan mereka.

M – Memperbetulkan Niat : Belajar bukan untuk peperiksaan semata-mata, tapi sebagai bekalan kehidupan menuju Akhirat yang kekal abadi.

I – Ikhlas : Ikhlas kan diri, pasakkan di hati, jangan kerana terpaksa atau kerana faktor lain. Contohnya belajar sebab nak natijah cemerlang juga nak kerja elok, jangan ya.

Sekadar ini saja perkongsian dari maksue, nak lebih jelas, sila ziarah blog maksue <http://ertiketenangan.blogspot.com> mengenai TIPS belajar, menikmati MANSAF baru boleh TIDUR, sebab di situ lebih jelas, haa jangan salah faham makna, kena tengok dulu jangan buat mazhab sendiri pulak ya, hihi.. Renung-renungkan dan selamat beramal ^_^

“Allahumma La Sahla Illa Ma Ja'altahu Sahla Wa Anta Taj'alul Hazna Iza Syi'ta Sahla”





بالتوفيق والنجاح

SUCCESS

The ladder of success was not crowded at the top. Did I set it against the right building?